

24/06/1997

MSC boleh manfaat kelebihan Hungary

A Nazri Abdullah in Budapest

BUDAPEST, Isnin - Koridor Raya Multimedia (MSC) berpeluang memanfaatkan hasil penyelidikan dan pembangunan Hungary dalam bidang teknologi maklumat (IT) melalui kerjasama Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dengan Taman Inovasi dan Teknologi Maklumat Hungary (Infopark).

Memorandum persefahaman (MoU) antara MDC dan Infopark ditandatangani di sini hari ini. Melalui kerjasama itu, MDC dapat menggunakan Infopark Hungary sebagai pusat melebarkan jaringan komunikasi teknologi maklumat antara Malaysia dan Eropah.

Upacara menandatangani MoU itu diadakan di Parlimen Hungary dengan disaksikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri, Gyule Horn.

Infopark diwakili Pengarahnya, Imre Grof, manakala MDC diwakili Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Othman Yeop Abdullah.

Infopark yang meliputi kawasan 140,000 meter persegi di kampus Budapest Institute of Technology berbanding 750 kilometer persegi bagi MSC, diwujudkan sebagai pusat utama penyelidikan dan pembangunan untuk syarikat tempatan dan antarabangsa menyediakan teknologi inovatif dan terkini di Hungary.

Ia didokongi oleh dua universiti terkenal iaitu Universiti Teknikal Budapest dan Eotvas Lorand University (ELTE). Setakat ini, Infopark menghasilkan teknologi kad pelbagai guna menggunakan cap jari dan perisian untuk terjemahan beberapa bahasa Eropah Timur.

Bagi mengukuhkan keupayaan teknologi maklumatnya, wujud rancangan penubuhan sebuah institut khas di Lorand University (ELTE), manakala Infopark akan dikekalkan sebagai pusat R&D.

Sementara itu, Othman memberitahu wartawan, melalui MoU itu, kedua-dua pihak bersetuju bekerjasama dalam pertukaran maklumat, mengenal pasti peluang perniagaan dan meningkatkan hubungan di bidang pendidikan dan program pertukaran.

Menurutnya, MoU itu adalah hasil daya usaha Infopark yang bukan saja yakin dengan kemampuan MSC, malah melihatnya sebagai satu projek yang unik dan inovatif.

"Mereka mahu merebut peluang untuk menimba pengalaman dan idea-idea MSC bagi pembangunan IT di Hungary.

"Kekayaan Hungary ialah pada sumber manusianya. Selain mempunyai lapan pemenang Hadiah Nobel, ia dapat menggerakkan lebih 1,000 jurutera dalam masa dua bulan. Berdasarkan kekuatan ini, kita akan dapat menikmati hasil satu bidang yang kaya dengan sumber manusia," kata Othman.